

**KEDUDUKAN PASARAN SAHAM DILIHAT SEBAGAI
PENGUKUR KEADAAN EKONOMI NEGARA – PM**

Elakkan BSKL jadi sasaran khabar angin

UM 15 AUG 1987

KUALA LUMPUR 14 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahukan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memastikan semua pihak yang ada kaitan dengannya mengamalkan sikap tanggungjawab yang tinggi bagi mengelakkan pasaran tersebut dari terus menjadi sasaran khabar angin dan syak-wasangka.

Menurut Perdana Menteri oleh kerana kedudukan di pasaran saham sering dilihat sebagai pengukur keadaan ekonomi negara maka langkah-langkah hendaklah diambil bagi menjadikannya lebih stabil dan tidak mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tidak mempunyai kepentingan ekonomi.

Serentak dengan itu untuk mengukuhkan industri broking saham beliau berkata kerajaan telah membuat keputusan untuk memberi lesen-lesen broking saham kepada tiga bank terbesar di negara ini dengan mengenakan wang menjadi ahli broker sebanyak \$5 juta setiap bank. Wang tersebut, kata Perdana Menteri akan digunakan untuk memodenkan BSKL dengan berbagai kemudahan dan kelengkapan.

LIHAT MUKA 6

Elakkan sasaran khabar angin

UM 15 AUG 1987

Perdana Menteri tidak memisahkan bank-bank tersebut tetapi adalah difahamkan ketiga-tiga bank berkenaan ialah Bank Bumiputra, Malayan Banking dan United Malayan Banking Corporation (UMBC). Datuk Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan pejabat baru BSKL dan melancarkan Sistem Maklumat Saham atau

MASA di Bangunan The Exchange Square hari ini. Menurut Perdana Menteri oleh kerana pasaran saham sering dilihat sebagai mengukur keadaan ekonomi, adalah penting pencapaiannya menggambarkan kedudukan yang sebenar. "Malangnya pasaran ini selalunya tunduk kepada perkara - perkara yang tidak berkaitan dengannya yang lebih merupakan

khabar - khabar angin atau ramalan. "Ini sudah tentunya tidak baik lebih-lebih lagi bagi orang awam yang melabur. "Saya mahu pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya mencari jalan mengurangkan kedudukan turun - naik dalam pasaran saham," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir. Tambahnya, kerajaan sedang berusaha untuk memperbaiki struktur industri tersebut dari segi kewangan dan profesional dengan menggalakkan penubuhan firma-firma broking saham secara korporat. Melalui langkah tersebut Perdana Menteri berharap kedudukan firma-firma berkenaan dapat diperkukuhkan di peringkat antarabangsa bagi membolehkannya mengadakan lebih banyak urusan dengan broker asing. Kata beliau, apa yang berlaku sekarang ialah firma-firma asing tersebut nampaknya seolah - olah telah mengeneipkan pasaran yang ada di sini kerana tidak tahu mengenainya dan mengenai firma-firma tempatan. Beliau menyarankan supaya firma-firma broker tempatan mengambil tindakan yang agresif memperkukuhkan imejnya di luar negeri. Dalam usaha menjaga keyakinan terhadap pasaran saham, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan penasihat - penasihat korporat, pengurus kewangan dan broker-broker saham supaya bersikap lebih profesional dan berhemah tinggi. Beliau juga menggesa supaya pihak-pihak yang terlibat dengan urusan pasaran saham menyekat sebarang amalan dagangan dalaman.